

02/11/2000

Penderhaka wajar nyah dari Malaysia

Kadir Dikoh

BANGI, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarankan kepada golongan yang cuba merosakkan Malaysia dengan bantuan asing, supaya meninggalkan negara ini.

"Lebih baik mereka nyah ke tempat lain kalau nak jadi warga negara asing kerana menganggap ia lebih bebas. Pergilah ke sana, ke tempat orang yang mereka minta tolong dan sanjung," kata Perdana Menteri.

Berucap melancarkan seranta dan bantahan awam draf rancangan tempatan Koridor Raya Multimedia di sini, Dr Mahathir berkata, apabila berada di sana, golongan itu mungkin mendapati mereka dianggap sampah masyarakat dan dipandang hina kerana warna kulit berbeza.

Merujuk pengakuan Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Ezam Mohamad Noor bahawa dia ke Amerika Syarikat dan Eropah untuk mendapatkan bantuan supaya tekanan ekonomi dikenakan terhadap Malaysia, Dr Mahathir berkata beliau amat malu kerana wujud golongan semacam itu di kalangan orang Melayu yang mahu negara sendiri dan rakyat diletakkan di bawah kuasa asing.

"Rakyat Malaysia tidak ingin lagi dijajah, kita akan bangunkan negara kita dan tak ada sesiapa orang yang boleh menghalang," katanya.

Ekoran kenyataan Ezam itu, Pergerakan Pemuda Umno mendesak kerajaan supaya melucutkan taraf kerakyatan Ezam.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Dr Mahathir berkata, beliau tidak kisah diberi pelbagai gelaran seperti Firaun tetapi tidak dapat menerima hakikat apabila ada anak tempatan mahu mensabotaj negara sendiri.

"Dia (Ezam) kata saya adalah orang yang jahat, Firaun ... dia boleh kata, saya tak kisah. Saya tak kisah apa dia panggil saya, saya tahu siapa saya.

"Tetapi untuk memperkecilkan negara sendiri, itu adalah sesuatu yang kita tidak dapat terima. Kerajaan tidak dapat terima dan saya berharap rakyat negara ini yang cukup patriotik, menolak orang semacam ini yang cuba merosakkan negara sendiri.

"Ini dibuat semata-mata untuk faedah diri sendiri kerana dia nak tolong kawan dia ... hancurkan Malaysia ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu manusia jenis apa yang sanggup ke luar negara dan mengupah orang asing memburukkan negara sendiri.

"Sudahlah dia sendiri memburukkan negara tapi dia suruh orang lain pula ambil tindakan undang-undang di negara lain, undang-undang negara lain nak dikuatkuasakan ke atas negara kita. Apakah negara kita ini bebas ataupun tidak?

"Dia suruh, dia sokong tindakan negara ini (asing) mengambil tindakan undang-undang untuk menyekat pertumbuhan ekonomi negara kita dengan cara melarang atau mengenakan sekatan supaya tidak ada pelaburan di sini, tidak ada perniagaan di sini. Akhirnya yang akan menderita ialah rakyat," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, kerajaan akan mengkaji bentuk tindakan terhadap Ketua Pemuda Keadilan itu berdasarkan undang-undang yang ada.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir mengulangi mereka yang terbabit memburukkan negara termasuk menghasut negara luar mengenakan sekatan ekonomi terhadap Malaysia sebagai penderhaka.

"Mereka ini penderhaka kepada negara kita ... kita capai kemerdekaan

pada 1957 dan kita nak teruskan kemerdekaan ini," katanya.

Beliau berkata, kerajaan mencari jalan supaya negara tidak bergantung kepada sesiapa ketika menangani kegawatan ekonomi yang berlaku tiga tahun lalu.

Malaysia bernasib baik kerana dapat mengatasi masalah itu tanpa bergantung atau tunduk kepada mana-mana pihak. Ini menunjukkan negara ini benar-benar merdeka dan berhak menentukan hala tujunya sendiri, katanya.

(END)